

BAB 2

KAJIAN PERSURATAN

Smith (1966) berpendapat penerbit harus mempunyai kemampuan mentadbir syarikat dan bersifat intelektual. Kemampuan mentadbir syarikat amat penting untuk memastikan penerbitan buku berjalan dengan lancar dan mengikut jadual perancangan yang ditetapkan. Kemampuan ini termasuklah merancang, menyusun organisasi membuat penyelarasan, mengawal tenaga manusia, kewangan, jentera, dan seluruh badan yang perlu dalam sesebuah syarikat penerbitan.

Tambah beliau, sistem pengurusan yang diperkenal dan diamalkan oleh organisasi penerbitan itu adalah untuk menjamin mutu penerbitan semestinya. Pengurusan dalam organisasi penerbitan sentiasa melibatkan kawalan-kawalan kewangan, intelektual yang juga melibatkan faktor-faktor kemanusiaan untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

Menurut Smith lagi, jangkaan masa bukan sahaja penting sebagai tarikh penerbitan tetapi juga jumlah masa yang ada untuk Jabatan Jualan dan bahagian promosi sebelum penerbitan untuk mendapatkan tempahan daripada kedai-kedai buku, menghantar buku-buku, urusan promosi dan lain-lain.

Oleh yang demikian satu bentuk pengurusan perlu dibentuk dan diaplikasikan dalam penjadualan kerja pengurusan editorial.

Dalam memperkatakan kepentingan pengurusan dalam penerbitan, buku *A Management Training Course* terbitan Unesco ada menggariskan beberapa kenyataan penting seperti berikut:


(a) Pada peringkat akhir kejayaan sebuah syarikat penerbitan itu akan banyak bergantung kepada kualiti pengarah-pengarah/pengurus-pengurus dalam kemampuan pengurusan untuk meramal masa depan dan menyesuaikan. Oleh itu keputusan penting dalam syarikat ialah pengambilan dan pelantikan mereka yang layak pada peringkat senior.

(b) Mesti ada polisi perancangan pengambilan/perkembangan pengurusan, walaupun di sebuah syarikat yang kecil. Jika penerbit itu berkembang cepat, pengurus yang berpotensi berkembang akan diperlukan.

(c) Penerbit kecil secara amnya memerlukan pengurus yang bagus kerana syarikat hanya mempunyai bilangan pengurus yang kecil. Kesilapan akan lebih membawa kepada kemusnahan kepada syarikat.

(d) Ketidakecapan pengurusan tidak boleh bertoleransi. Ketidakecapan akan dilihat oleh semua para pekerja dan ini akan memusnahkan moral juga persembahan.

(e) Adalah penting untuk melantik pengurus-pengurus dengan ilmu kepakaran untuk memenuhi arah pasaran masa depan syarikat kerana ia adalah lebih murah (pengalaman) berbanding untuk memperkembangkannya di dalam syarikat.



Rajah grafik 3: Pengurusan mengabungkan unsur-unsur manusia, kewangan, dan sumber-sumber yang ada untuk capai matlamat

Sistem pengurusan ini haruslah direkabentuk untuk menyediakan maklumat bagi mengurus organisasi yang berkesan. Pengurus yang baik tidak banyak memperkenalkan kawalan tetapi lebih mementingkan tafsiran daripada maklumat penting, iaitu terhasil daripada bentuk kajian pasaran, statistik (prestasi jualan) yang berkait dengan populasi (jumlah kanak-kanak, golongan elit, dan lain-lain). Pengurus haruslah tidak mementingkan perkara-perkara yang remeh.

Ramai ahli-ahli teori berpendapat bahawa pengurusan yang baik memerlukan kawalan-kawalan yang berkesan. Gabungan objektif-objektif yang terancang kemas, organisasi yang kukuh, mempunyai dorongan berkemungkinan besar mencapai kejayaan.

Menurut Albert N. Greco (1997), apabila penulis menyerahkan manuskripnya, editor sudah bersedia untuk memulakan proses editorial. Albert telah menggariskan beberapa peringkat yang perlu dilalui seperti menyiapkan kontrak, mengedit manuskrip, hak cipta dan surat keizinan, reka bentuk dan pengeluaran, dan pemasaran. Dalam mengendalikan proses tersebut, kemungkinan berlaku beberapa perkara yang bakal melambatkan penerbitan sesebuah buku yang beliau gelar sebagai 'trafik'. Kebijaksanaan pihak pengurusanlah yang dapat meleraikan kejadian trafik itu.

Hassan Ahmad (2000) ketika membincangkan peranan buku dalam masyarakat perindustrian di Malaysia telah menggariskan beberapa cabaran pengusaha penerbitan buku di Malaysia, iaitu melahirkan kumpulan tenaga manusia, ilmuwan, penulis, dan editor yang lebih bermutu, lebih cekap dan lebih komited dari segi kesedaran intelektual dan budayanya untuk menghadapi cabaran baru.

Menurut beliau, masalah rakyat tidak membaca bukanlah alasan tetapi menyelesaikan masalah yang digelar beliau sebagai 'konvensional' iaitu masalah pengedaran. Tambahnya lagi terdapat juga penerbit yang menerbitkan buku yang mengandungi kesalahan lebih daripada dua puluh peratus. Fenomena ini dilihat sebagai kegagalan penerbit dan pihak pengurusan editorial membina dan melahirkan tenaga editor atau penulis yang handal. Antara punca yang dikenal pasti ialah penerbit atau ketuanya tidak mempunyai kredibiliti dan komitmen intelektual, profesional dan budaya yang tinggi.

Hamedy (2002) mengatakan perancangan judul yang akan diterbitkan merupakan titik tolak bagi kejayaan sesebuah buku. Tambah beliau lagi, walaupun tiga elemen yang lain, iaitu harga, promosi, dan pengedaran turut berperanan, namun perancangan judul yang akan menentukan segala-galanya. Kegagalan dalam keluaran akan memungkinkan ketiga-tiga elemen tersebut turut gagal untuk menjual buku dengan memuaskan. Dengan kata lain, ketiga-tiga elemen itu hanyalah sokongan terhadap keluaran yang dipasarkan. Oleh itu Peter Drucker (dalam Hamedy, 2000) mengatakan bahawa fungsi sesebuah organisasi perniagaan itu Cuma dua, iaitu pemasaran dan rekaan baru. Dalam perniagaan buku, rekaan yang dimaksudkan ialah judul-judul baru yang diterbitkan hasil penyelidikan pasaran.

Dalam organisasi penerbitan, merancang judul bagi satu-satu tahun program penerbitan adalah tugas utama pihak pengurusan yang antara lainnya bergantung kepada peruntukkan syarikat dan pola pembacaan masyarakat.

Menurut Hamedy lagi, perancangan yang silap dalam pembinaan judul dan juga bilangan terbitannya akan merugikan penerbit. Tambahnya, judul buku yang akan diterbitkan haruslah mengambil kira pengguna kerana penggunalah yang akan membeli buku itu. Dengan kata lain proses perancangan judul ini haruslah ditangani dengan cekapnya dan pengurusan editorial dilihat harus mempunyai kebolehan dan keupayaan meramal yang baik.

Pengurusan editorial adalah satu elemen penting dalam sebuah syarikat penerbitan. Pengurusan yang efisien, cekap, dan berwibawa dapat melancarkan perjalanan kerja-kerja editorial dan secara langsung dapat mematuhi matlamat-matlamat syarikat yang telah ditetapkan. Perkara ini semua membabitkan soal kepimpinan dan kesempurnaan organisasi bersesuaian dengan konsep pengurusan itu sendiri iaitu seni menyempurnakan matlamat melalui sumber manusia.